



# KENYATAAN MEDIA

## MRT CORP MENANTI KEPUTUSAN MAHKAMAH AKAN ISU AMPANG PARK

***Situasi hari ini disebabkan pemilik menolak tawaran perjanjian bagi kewujudan bersama***

**Kuala Lumpur, 8 Mei 2017:** Mass Rapid Transit Corporation Sdn Bhd (MRT Corp) ingin membetulkan dakwaan yang telah dibuat oleh pihak-pihak tertentu dan pertubuhan bukan kerajaan berkaitan dengan isu Ampang Park yang telah dilaporkan dalam media baru-baru ini.

Pengarah Komunikasi Strategik dan Hal Ehwal Pihak Berkepentingan MRT Corp Dato' Najmuddin Abdullah berkata kenyataan yang dibuat baru-baru ini telah menimbulkan kekeliruan yang mengakibatkan pemahaman yang salah berhubung perkara ini.

“Pertama sekali, isu pengambilan tanah Ampang Park pada masa ini berada di mahkamah. Semakan Kehakiman telah dimulakan oleh pemilik lot strata sendiri setelah mereka menolak tawaran MRT Corp untuk mengadakan perjanjian bagi kewujudan bersama.

“Pemilik telah memutuskan untuk membawa perkara ini ke mahkamah. Justeru, MRT Corp tidak boleh mengambil apa-apa langkah kecuali menunggu mahkamah untuk membuat keputusan mengenai hal ini,” ujar beliau semasa sidang media yang diadakan di Ibu Pejabat Korporat MRT Corp hari ini.

Najmuddin berkata pada tahun 2015, MRT Corp telah mengadakan perjumpaan bersama pemilik-pemilik lot-lot strata Pusat Membeli Belah Ampang Park beberapa kali untuk mencari jalan penyelesaian bagi mengatasi isu ini.

MRT Corp telah menawarkan reka bentuk alternatif semasa salah satu sesi perjumpaan ini di mana lokasi stesen MRT akan dianjak sedikit dan integrasi antara stesen MRT akan datang dan stesen LRT sedia ada akan dicapai melalui



pembinaan sebuah laluan pejalan kaki bawah tanah di bawah Pusat Membeli Belah Ampang Park.

“Pilihan ini yang memerlukan persetujuan kesemua 253 pemilik lot strata, akan dapat menyelamatkan Ampang Park daripada diambil alih dan dirobuhkan. Syarat persetujuan 100% ini adalah menurut keperluan undang-undang,” kata beliau.

Najmuddin berkata pilihan ini telah ditolak oleh pemilik apabila mereka tidak memberi maklum balas apa-apa keputusan atau cadangan alternatif sebelum tarikh akhir yang dipersetujui.

“Malah, mereka telah memutuskan untuk ke mahkamah dan memfailkan Semakan Kehakiman. Jadi sekarang, kami hanya boleh menunggu mahkamah untuk memutuskan perkara ini,” kata beliau, sambil menambah MRT Corp akan mematuhi apa sahaja keputusan mahkamah.

Semakan Kehakiman yang telah difailkan pada 8 Januari 2016 oleh 39 pemilik lot strata mencabar keputusan Kerajaan untuk memiliki pusat membeli belah itu.

Pada 30 Jun 2016, Mahkamah Tinggi telah membuat keputusan bahawa proses pengambilan tanah Pusat Membeli Belah Ampang Park yang dilakukan oleh Kerajaan adalah sah. Pemilik telah membuat rayuan terhadap keputusan ini ke Mahkamah Rayuan dan pada 18 Januari 2017, Mahkamah Rayuan telah menolak rayuan tersebut dan bersetuju dengan keputusan Mahkamah Tinggi bahawa proses pengambilan tanah adalah sah.

Pemilik lagi sekali telah membuat rayuan terhadap keputusan dan perkara ini kini berada di Mahkamah Persekutuan yang akan memutuskan sama ada pembicaraan atas rayuan terakhir ini boleh diteruskan.

Mengenai cadangan yang telah diusulkan oleh sebuah Pertubuhan Bukan Kerajaan kepada MRT Corp untuk meneruskan dengan reka bentuk alternatif yang melibatkan pembinaan laluan pejalan kaki bawah tanah, Najmuddin berkata MRT Corp memang ingin meneruskan dengan reka bentuk tersebut.

“Namun, satu syarat yang paling penting untuk menjayakan cadangan ini ialah keperluan persetujuan kesemua pemilik lot strata Pusat Membeli Belah Ampang Park. Seperti yang telah dinyatakan tadi, ini merupakan keperluan undang-undang memandangkan laluan pejalan kaki memerlukan penyerahan kekal harta miliksama (common property) dan kerja pengukuhan perlu dijalankan kepada struktur bangunan pusat membeli belah itu,” kata beliau.

Pertubuhan Bukan Kerajaan juga telah mengesyorkan penjajaran semula jajaran MRT dan penempatan semula stesen MRT Ampang Park.



“Banyak kajian yang telah dibuat sebelum pemilihan jajaran dan lokasi stesen dilakukan, dan kajian-kajian ini telah menunjukkan bahawa jajaran dan lokasi stesen ini adalah paling optimal. Penjajaran dan penempatan semula lokasi stesen akan membawa lebih kesan negatif dari segi teknikal, kewangan dan sosial,” ujar beliau.

Menyentuh kepada isu keperluan stesen MRT Ampang Park, Najmuddin berkata sebuah stesen MRT bawah tanah perlu dibina di lokasi Pusat Membeli Belah Ampang Park untuk membolehkan integrasi yang sempurna antara stesen MRT akan datang dengan stesen LRT Ampang Park sedia ada.

Tanpa sebuah stesen MRT di lokasi ini, tidak akan terdapat pertukaran lain antara MRT Laluan Sungai Buloh-Serdang-Putrajaya (SSP) dan LRT Laluan Kelana Jaya. Ini akan mengakibatkan penumpang dari kedua-dua laluan tidak akan dapat bertukar dari satu perkhidmatan ke perkhidmatan lain dan pergerakan penumpang antara kedua-dua laluan ini akan terbatas.

Laluan SSP sepanjang 52.2km dijangka siap pada tahun 2022 dan akan berkhidmat kepada penduduk di koridor yang mempunyai lebih kurang 2 juta penduduk. Laluan ini dijangka akan mencatat 529,000 penumpang sehari.

-tamat/-

*Untuk sebarang pertanyaan media, sila hubungi:*

*Encik Leong Shen-Li*  
[li@mymrt.com.my](mailto:li@mymrt.com.my)  
MRT Corp

012-3196602 / [leong.shen-](mailto:leong.shen-li@mymrt.com.my)

*Cik Amalina Ghazali*  
/ [amalina.ghazali@mymrt.com.my](mailto:amalina.ghazali@mymrt.com.my)  
MRT Corp

016-2154055